

23 APR 1999

Hamid-benci

BENCIKAN DR MAHATHIR STRATEGI BARU LUMPUHKAN KERAJAAN

SIK, 23 April (Bernama) -- Ada pihak cuba menghasut anggota akar umbi UMNO supaya membencikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai satu strategi untuk melumpuhkan kerajaan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Katanya sasaran mereka ialah anggota UMNO di kampung-kampung kerana mereka mahu melihat parti tulang belakang kerajaan itu musnah sedikit demi sedikit dari peringkat dalaman.

"Tindakan ini yang diusahakan secara bergerak dari rumah ke rumah akan mengakibatkan emosi ahli-ahli Umno menjadi tegang dan benci kepada Dr Mahathir," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Sik di sini hari ini.

Abdul Hamid yang juga anggota Majlis Tertinggi UMNO dan Anggota Parlimen Sik berkata apabila perasaan benci kepada Dr Mahathir memuncak, ia secara tidak langsung akan mengakibatkan kehancuran parti itu.

"Golongan yang melakukan usaha ini terdiri daripada parti-parti pembangkang, segelintir kakitangan kerajaan dan ahli Umno yang kecewa dan juga pihak luar," katanya.

Beliau berkata tinjauan menunjukkan golongan itu sudah berjaya mempengaruhi emosi golongan sasaran mereka dan kesan daripadanya akan mengakibatkan reputasi UMNO terjejas ketika pilihan raya kelak.

"Ahli-ahli UMNO yang terlibat dengan tindakan ini akan dipecat setelah terbukti kesalahan mereka manakala tindakan kerajaan untuk mengatasinya ialah dengan menjalankan sesi penerangan ke seluruh negara," katanya.

Abdul Hamid juga berkata usaha untuk menghidupkan semula Al-Arqam dilakukan oleh bekas ahlinya yang tidak mengikuti proses pemulihan anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Mereka telah lari ke Singapura dan negara lain serta kini kembali ke negara ini untuk mengajak sebilangan bekas ahli yang telah mengikuti proses pemulihan Jakim untuk bersama-sama menghidupkan semula pergerakan itu," katanya.

Al-Arqam diasaskan di Singapura dan negara itu tidak mengharamkan pergerakan itu seperti yang dilakukan di Malaysia pada 1994.

-- BERNAMA

MAN MAI